

MASJID AL-FATH, JALAN LAGUD SEBRANG, TENOM, SABAH

30 Julai 2010 | **EDISI KE-4** | **18 Sya'aban 1431 Hijrah**

PERSIAPAN MANTAP MENYAMBUT RAMADHAN

~Bahagian 2~

Ramadhan adalah bulan ilmu pengetahuan. Justeru, Muslim perlu rajin menghadiri majlis-majlis tazkirah yang boleh membantu menambahkan kefahaman terhadap amalan beribadat, berdasarkan ayat pertama yang diturunkan Allah S.W.T ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

Ayah boleh memotivasi anak-anak untuk berpuasa. Kanak-kanak dilatih berpuasa sebagai latihan kepada mereka. Di antara kaedah yang boleh dilakukan ialah:

01. Mengajar anak-anak mengenai hakikat puasa sebenar yang bukan hanya meninggalkan makan minum semata-mata, malah penerangan mengenai cara bagaimana boleh mendapatkan takwa dalam diri.

02. Ajarkan kepada mereka adab-adab serta hukum-hukum puasa dan yang berkaitan dengannya seperti menyegerakan berbuka puasa serta melambatkan bersahur dan juga mengingatkan mereka dari berboros dalam makan minum pada bulan Ramadhan.

03. Mengingatkan mereka agar tidak mengambil masa yang lama ketika berbuka hingga lambat/luput untuk bersolat Maghrib berjemaah.

04. Mengingatkan mereka tentang falsafah puasa disyariatkan Allah S.W.T agar dapat merasakan kelaparan yang dialami golongan miskin.

05. Ramadhan bulan mengeratkan silaturrahim di kalangan umat Islam dengan bersolat fardhu dan Tarawih secara berjemaah.

06. Mengingatkan anak-anak perempuan agar membantu ibu-ibu mereka dalam menyediakan juadah berbuka puasa dan sahur.

07. Menggalakkan anak-anak untuk bersahur bagi mendapatkan keberkatan dan bekalan kekuatan untuk meneruskan ibadat puasa.

08. Melakukan solat Subuh serta berjemaah di masjid/surau berdekatan dan memastikan tidak meninggalkan solat witir.

09. Tidak menyusahkan para isteri untuk menyediakan juadah berbuka puasa atau sahur yang sukar untuk disediakan, berpada dengan kemampuan yang ada atau membelinya jika perlu, agar tenaga mereka dibawa untuk bersolat Isyak dan Tarawih berjemaah di masjid/surau.

10. Memulakan kempen Membaca al-Quran sempena padanya diturunkan kitab suci untuk manusia.

11. Menggalakkan ahli keluarga untuk suka bersedekah serta mengambil tahu kekurangan [keperluan hidup] yang ada pada jiran tetangga lebih-lebih lagi pada masa harga barang telah ~~naik~~ diselaraskan.

Rujukan [Teks Asal]: Ustaz Zainuddin Hashim
Suntingan Bebas: Editor AL-FATH

~WAKTU SOLAT~

Zon 9 Sabah: Sipitang, Membakut, Beaufort, Kuala Penyu, Weston, Tenom, Long Pa Sia

		Imsak	**Subuh**	Syuruk	**Zohor**	**'Asar**	**Maghrib**	**'Isyak**
30.07.2010	Jumaat	4:42	4:52	6:13	12:26	15:47	18:35	19:49
31.07.2010	Sabtu	4:43	4:53	6:13	12:26	15:47	18:35	19:48
01.08.2010	Ahad	4:43	4:53	6:13	12:26	15:47	18:35	19:48
02.08.2010	Isnin	4:43	4:53	6:14	12:26	15:46	18:35	19:48
03.08.2010	Selasa	4:43	4:53	6:14	12:26	15:46	18:35	19:47
04.08.2010	Rabu	4:43	4:53	6:14	12:26	15:45	18:34	19:47
05.08.2010	Khamis	4:43	4:53	6:14	12:25	15:45	18:34	19:47
06.08.2010	Jumaat	4:44	4:54	6:14	12:25	15:45	18:34	19:46

RINGKASAN ISU SEMASA

NASIONAL

Kadar pemakaian topi keledar masih rendah di desa

Kadar pemakaian topi keledar di luar bandar masih rendah iaitu antara 30 peratus hingga 50 peratus berbanding 100 peratus di bandar dan antara 60 hingga 70 peratus di pinggir bandar, sekali gus menyumbang kepada kecederaan parah dan kematian yang tinggi akibat kemalangan menurut Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Datuk Suret Singh.

JAKIM disaran perkenal Logo 'HARAM'

"*Andainya JAKIM mengisytiharkan produk - produk tertentu yang tidak menepati piawaian halal sebagai produk tidak halal atau haram dan mewajibkan mereka menampal logo Haram jika mereka berkeras juga untuk menjual produk tersebut , peluang untuk lambakan barangan haram di pasaran akan menjadi lebih kecil . Pasti tiada siapa yang akan membeli barangan yang dilekatkan logo Haram jika mereka benar - benar mahu mencari produk halal di pasaran.*" ~Ustaz Nasrudin Hassan at-Tantawi.

AKTIVITI MASJID AL-FATH

Majlis Bacaan Surah Yaasin, Tahlil, Doa Arwah dan Doa Selamat sempena menyambut Ramadhan al-Mubarak 1431 Hijrah / 2010 Masihi pada *05 Ogos 2010*, Khamis [Malam Jumaat], bermula sebelum solat Maghrib.

Gotong-royong Masjid al-Fath sempena Ramadhan al-Mubarak : *07 Ogos 2010.*

Lihat papan kenyataan untuk maklumat lanjut dan makluman terkini.

.....KALAM EDITOR

Bismillahi walhamdulillah...

Assalamu'alaikum w.b.t

Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana dengan Izin dan Kasih Sayang-Nya dapat kita bertemu di edisi ke-4 Risalah AL-FATH ini. Semoga Jumaat kali ini bertambah baik dari hari-hari yang sebelumnya.

Bermula edisi ini, Risalah AL-FATH akan menyelitkan sedikit ruang untuk Waktu Solat. Ini memudahkan para pembaca untuk membuat rujukan mengenai waktu solat di mana jua berada.

Insya-Allah bermula keluaran minggu hadapan, Risalah AL-FATH akan membuat pengisian mengenai Puasa dan Ramadhan secara ringkas dan berperingkat. Contohnya, aspek sejarah, hukum, adab, dan bacaan-bacaan terpilih yang berkaitan dengan Puasa dan Ramadhan seperti niat berpuasa, sahur dan yang lain.

*Seperti biasa, jika para pembaca mempunyai berita, idea dan cadangan yang ditujukan kepada masjid AL-Fath umumnya atau Risalah AL-Fath khususnya, silalah maklumkan kepada mana-mana AJK Masjid. Sampai ketemu lagi di masa akan datang. Wassalam. ~**MSS***